

Geologi am dan kajian tekstur batuan di Kompleks Igneus, Pulau Susu Dara, Besut: implikasi terhadap perletakan magma

A. SHAMSUL KAMAL ZAKARIA & AZMAN A. GHANI

Department of Geology
University of Malaya
50603 Kuala Lumpur

Kawasan kompleks Igneus yang dikaji terletak di bahagian timurlaut Pulau Susu Dara, Besut Terengganu. Walaupun kompleks ini hanya mempunyai keluasan kira-kira 100 meter persegi, terdapat tidak kurang dari 3 jenis batuan igneus yang telah menerobos batuan metasedimen yang membentuk sebahagian besar pulau Susu Dara. Jenis batuan igneus yang terdapat di sini (mengikut turutan umur dari tua-muda) ialah batuan granit porfiri, diorit porfiri, mikrogranit, daik dolerit dan telerang kuarza. Kajian tekstur batuan granit porfiri dan diorit porfiri mencadangkan kedua-kedua magma batuan ini menerobos ke dalam satu retakan yang sempit. Tekstur porfiritik yang ditunjukkan oleh kedua-dua batuan ini mencadangkan bahawa magmanya telah menghablur pada sesuatu kedalaman sebelum melalui retakan tersebut. Hasil kajian ini mencadangkan bahawa retakan ini mungkin mewakili sesar lama yang telah sedia wujud sebelum penerobosan kedua-dua magma ini.
